

Guide for Success Stories

Panduan untuk Kisah Kejayaan

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	<i>Pusat Internet 1Malaysia Taman Desa Permai</i>
Location Lokasi	<i>Tempat: Pusat Internet 1Malaysia Taman Desa Permai Kampung: Perumahan Desa Permai Mukim: Pulau Kerengga Daerah: Marang Negeri: Terengganu Darul Iman</i>
Name of person(s) Nama	<i>Muhammad Haikal</i>
Details of person (s) Butiran diri	<i>Umur: 12 Tahun Jantina: Lelaki Taraf Pendidikan: Sekolah Rendah Pekerjaan: Pelajar</i>
Success story Kisah kejayaan	Beliau merupakan salah seorang pelajar Sekolah Kebangsaan Bukit Gasing yang tinggal berhampiran dengan Pusat Internet dan menjadikan Pusat Internet sebagai tempat utama untuk belajar ICT. Walaupun di peringkat awal, beliau tidak mahir menggunakan computer, namun hasil tunjuk ajar dan kelas yang diikuti di Pusat Internet, telah meningkatkan tahap kemahiran beliau menggunakan computer. Beliau pelajar yang rajin dan mempunyai sikap ingin tahu dan suka mempelajari sesuatu yang baru. Tambahan pula, beliau selalu menyertai kelas yang dijalankan di Pusat Internet contohnya Kelas Asas Microsoft Word, Kelas Microsoft Power Point, Kelas Penggunaan email dan juga Kelas Adobe Photoshop. Beliau menunjukkan minat dalam mengedit gambar sepanjang kelas yang diadakan terutama Kelas Adobe Photoshop. Beliau sering bertanya dan cuba untuk mengolah sendiri gambar yang ada dan menghasilkan gambar yang menarik dan menunjukkan daya kreativiti yang beliau ada. Ketika berada di Pusat Internet, beliau sering menjadi tempat rujukan kawan – kawan yang lain untuk bertanya mengenai hal – hal yang berkaitan dengan media social contohnya mendaftar email dan juga akaun facebook. Tidak ketinggalan juga untuk menyiapkan kerja sekolah yang melibatkan penggunaan internet iaitu mencari maklumat menggunakan enjin

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	carian google dan Microsoft Office. Beliau seorang yang tidak lokek ilmu dan menjadikan pengguna Pusat Internet atau rakan – rakan yang lain seorang yang celik IT seperti beliau. Dengan adanya Pusat Internet di kawasan ini memberikan satu kelebihan kepada pelajar yang tinggal di sekitar kawasan ini. Beliau menggunakan Pusat Internet sebagai tempat untuk menyiapkan kerja sekolah yang memerlukan penggunaan computer contohnya menaip. Selain daripada itu, perkhidmatan yang disediakan Pusat Internet seperti binding, fotostat, printing dan laminate memudahkan beliau tanpa perlu keluar ke cyber café yang terletak agak jauh daripada kawasan tempat tinggal. Di samping, cas perkhidmatan yang murah tidak membebankan beliau sebagai pelajar. Boleh dikatakan beliau merupakan pengguna tetap di Pusat Internet. Dengan adanya Pusat Internet ini dapat menjadikan beliau seorang pelajar yang lebih pandai dalam pelajaran.
Keterangan gambar Photo caption	

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <i>Muhammad Haikal yang sering menyertai kelas di Pusat Internet</i>

**ITEM
JENIS****INFORMATION
MAKLUMAT**

Haikal semasa menyertai kelas Microsoft Word.



Haikal semasa menyertai kelas Google Maps.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	<i>Tiada</i>
Feedback Maklumbalas	• Pandangan: Pusat Internet merupakan sebuah tempat yang boleh membantu golongan pelajar. • Tarikan utama: Bayaran yang dikenakan oleh Pusat Internet adalah amat berpatutan dan staff Pusat Internet akan membantu apabila pengunjung memerlukan tunjuk ajar. • Cara Pusat Internet dapat membantu: Pusat Internet dapat membantu dengan cara memberi latihan intensif kepada penduduk sekitar, yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS
BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) &
GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE
JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**